

**Perjalanan Introspektif Seorang Isteri: Satu Bacaan Feminin Mistik Dalam Karya Terpilih Pengarang Wanita India dan Malaysia**  
*A Wife's Introspective Journey: A Feminine Mystic Reading on Selected Novels by Female Author from India and Malaysia*

Nagesvari Paramasivan  
[shakti.1011@yahoo.com](mailto:shakti.1011@yahoo.com)  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

Ros Anita Kartini Mohamed  
[ros\\_kartini@yahoo.com](mailto:ros_kartini@yahoo.com)

A.Halim Ali  
[halim.ali@fbk.upsi.edu.my](mailto:halim.ali@fbk.upsi.edu.my)  
Fakulti Bahasa Dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia

Received: 5 July 2021; Published: 21 November 2021

Cite this article (APA) as:

Paramasivan, N., Mohamed, R. A. K. & Ali, A. H. (2021). Perjalanan Introspektif Seorang Isteri: Satu Bacaan Feminin Mistik Dalam Karya Terpilih Pengarang Wanita India dan Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 35 - 47. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/147>

**ABSTRAK**

Kajian ini berfokus terhadap perjalanan hidup seorang wanita yang bergelar isteri dalam novel terpilih pengarang wanita dari India dan Malaysia iaitu Shashi Deshpande dan Khadijah Hashim. Kertas kerja ini berdasarkan premis bahawa kaum wanita di India dan Malaysia masih berada di bawah sistem patriarkal yang telah meletakkan peranan stereotaip kepada wanita berbanding lelaki. Analisis teks kajian ini mengaplikasikan dua sub topik yang terdapat dalam teori Feminin Mistik iaitu *The Problem That Has No Name* dan *Crisis in Woman Identity*. Kajian ini mendapati bahawa protagonis wanita dalam *That Long Silence* dan *Mencari Azizah* mengalami dilema ketika mereka mula introspektif kehidupan mereka dalam alam rumah tangga. Dalam era pasca-modern, kajian ini turut mengetengahkan kepentingan dan keperihalan masyarakat untuk mengubah persepsi terhadap tanggapan hukum konvensi yang menganggap wanita lemah, menurut, setia, ibu penyayang, isteri bertanggungjawab dan anak perempuan yang taat. Analisis Feminin Mistik membuktikan bahawa pengarang wanita menyedari bahawa kedudukan wanita dalam sistem sosial setempat masih mengongkong dan merampas hak dan kebebasan wanita dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, perkahwinan, kerjaya dan kebebasan bersuara. Walaupun terdapat perbezaan dalam penyampaian dan penyelesaian terhadap kedudukan wanita dalam sistem patriarkal oleh Deshpande dan Khadijah yang datang dari dua negara yang berbeza, namun kajian terhadap kedua buah teks ini mempunyai persamaan untuk mengiktiraf kekuatan, kecekalan, cabaran, ketabahan dan keistimewaan pengarang wanita dalam mempersembahkan realiti kehidupan wanita dalam sistem patriarkal setempat.

**Kata Kunci:** Patriarkal, Feminin Mistik, Diskriminasi, Stereotaip, Introspektif

### **ABSTRACT**

*This study focuses on the life journey of a woman as a wife in selected novels by female authors from India and Malaysia, namely Shashi Deshpande and Khadijah Hashim. This paper is based on the premise that women in India and Malaysia are still under a patriarchal system that has placed stereotypical roles on women over men. The text analysis of this study applies two sub-topics from Feminine Mystic theory, namely 'The Problem That Has No Name' and 'Crisis in Woman Identity'. The study found that the female protagonists in *That Long Silence* and *Mencari Azizah* experienced a dilemma when they began to introspective their lives in the realm of marriage. In the post-modern era, this study also highlights the importance and nature of society to change their perceptions on the notion of conventional law that considers women weak, submissive, loyal loving mothers, responsible wives, and obedient daughters. The Feminine Mystic analysis proves that female authors are aware that the position of women in the local social system still restricts and deprives women of their rights and freedoms in various aspects such as education, marriage, career, and freedom of speech. Although there are differences in the delivery and resolution of the position of women in the patriarchal system by Deshpande and Khadijah who come from two different countries, the study of these two texts has similarities to recognize the strength, tenacity, challenge, perseverance, and privilege of female authors in presenting the reality of women's lives in the local patriarchal system.*

*Keywords: Patriarchal, Feminine Mystic, Discrimination, Stereotype, introspective*

### **PENGENALAN**

Kajian ini meninjau kehidupan protagonis wanita dalam sistem patriarkal yang dapat dikesan berdasarkan karya pilihan pengarang wanita India dan Malaysia. Pengarang wanita India yang dipilih untuk kajian ini ialah Shashi Deshpande manakala pengarang yang dipilih dari Malaysia ialah Khadijah Hashim. Kedua-dua pengarang ini telah memperlihatkan keupayaan mereka untuk mengetengahkan kehidupan golongan wanita dalam satu sistem patriarkal di mana lelaki memiliki kuasa mutlak terhadap wanita. Kedua-dua pengarang terkenal ini cuba menyingkap isu-isu peribadi dan domestik kaum wanita di India dan Malaysia dengan paparan yang menimpa untung nasib wanita dalam sistem patriarkal.

Sayugia, Shashi Deshpande dan Khadijah Hashim telah memperkenalkan, menyajikan, dan memaparkan kehidupan harian kaum wanita setempat kepada masyarakat dunia melalui karya kreatif yang unik dan bertaraf antarabangsa. Hal ini kerana rasionalnya, feminis dan feminisme selalu dikaitkan dengan propaganda Barat yang dikatakan sebagai bertentangan dengan budaya dan agama masyarakat Asia. Natijahnya, pergerakan feminisme ini telah meluaskan perjuangan mereka dalam bidang pelajaran, politik, kebudayaan, ekonomi, bangsa dan etika (Ida Roziana Abdullah & A. Halim Ali; 2019). Sehingga kini kritikan feminisme masih unggul menjadi bidang pengajian penting dalam institusi pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Malahan perjuangan pergerakan feminisme ini telah membawa kepada dunia sastera dan melahirkan teori sastera dengan berdasarkan idealism feminis (Ida Roziana Abdullah & A. Halim Ali; 2019). Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2013) dalam kajiannya berkait ikon wanita dalam novel turut menampilkan citra feminisme dari sudut kedudukannya di sisi agama Islam. Dalam makalah ini, generasi “pengkritik dalam Feminine Mistik yang berkembang dalam fasa feminis liberal telah digunakan sebagai kaedah analisis bagi teks kajian iaitu *That Long Silence* dan *Mencari Azizah*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam mendefinisikan tentang budaya sesebuah bangsa adalah kompleks dan sukar untuk difahami oleh masyarakat yang berlainan budaya, disebabkan pentakrifan tentang sesuatu budaya adalah sangat abstrak dan global. Adapun, India dan Malaysia mengamalkan budaya sosial dan kepercayaan yang berbeza dan amat kompleks untuk difahami oleh masyarakat luar. Dalam bidang kesusasteraan, pemahaman tentang sesuatu budaya adalah berlainan mengikut cara pengarang itu merakamkan budaya dalam karyanya. Maka permasalahan yang wujud di sini ialah bagaimana pengarang dari kedua-dua buah negara ini telah berjaya merakam dan mendiskripsikan budaya asal masyarakat setempat mereka lalu dipersembahkan kepada masyarakat dunia. Dalam hubungan ini, Chris Weedon (1987), menyatakan, bahawa hukum-hukum rasional budaya Barat tidak semestinya menepati hukum-hukum budaya lain. Hal ini merupakan satu permasalahan kajian yang dikaji dalam ruang ini. Revolusi kebebasan dan hak wanita di Barat melihat lelaki sebagai musuh dan menentang sistem patriarkal yang dikatakan mendominasi wanita. Pandangan sarjana Barat bahawa sistem sosial di bawah budaya patriarkal menindas kaum wanita dan mereka mengalami kehidupan yang terkongkong membuka ruang yang boleh dibahaskan. Realitinya, hukum-hukum kemasyarakatan Barat berbeza dengan budaya India dan Malaysia. Perbezaan tuntutan wanita Barat, India dan Malaysia telah menimbulkan permasalahan yang perlu dikaji memandangkan terdapat percanggahan dalam mengidentifikasikan wanita di bawah budaya patriarkal. Apatah lagi penglibatan penulis wanita dan watak-watak wanita yang dibawa dalam novel sangat menarik untuk dilihat dan dikaji memandangkan perspektif wanita dalam teks adalah terbina daripada perspektif wanita itu sendiri (Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah, 2018).

## OBJEKTIF KAJIAN

- i. Membincangkan implikasi sistem patriarkal terhadap kaum wanita di India dan Malaysia melalui novel-novel kajian.
- ii. Membahaskan tindak balas/ protes wanita terhadap sistem patriarkal di India dan Malaysia melalui novel-novel kajian berdasarkan bacaan Mistik Feminin.

## METODOLOGI

Liberal feminisme muncul dalam gelombang *Second Wave*.<sup>1</sup> Feminis liberal menyuarakan propaganda bahawa setiap manusia tanpa bias gender berhak memaksimumkan minat dan *Self-fulfilment*, hak yang sama rata dengan lelaki dalam bidang pekerjaan, pendidikan, gaji, kewangan dan undang-undang. Setiap individu bebas maju dan berkembang mengikut kemampuannya tanpa didominasi oleh pihak yang menganggap mereka *superior*. Golongan feminis liberal juga memberi tumpuan kepada penindasan yang dilakukan oleh kaum lelaki terhadap kaum wanita dan memperjuangkan nasib wanita yang ditindas dari segi hak kewarganegaraan, budaya, perkauman dan ekonomi.

---

<sup>1</sup>Terma *Second Wave*<sup>1</sup> ini dicipta oleh Marsha Lear untuk menjelaskan tentang peningkatan aktiviti para feminis di Amerika, Britain dan di negara-negara Eropah di akhir tahun 1960-an. Dalam *second wave* inilah muncul sarjana feminis dengan karya-karya mereka seperti *The Feminine Mystique* (1963) oleh Betty Friedan, *The Dialectic of Sex* (1970) oleh Shulamith Firestone, *Sexual Politics* (1970) oleh Kate Millet, *Women's Work* (1974) oleh Ann Oakley, *Of Woman Born* (1976) oleh Adrienne Rich dan *The Reproduction of Mothering* (1978) oleh Nancy Chodorow (Jenainati & Groves, 2010:86).

Menurut Miller (1992) dalam bidang kesusasteraan para pengkritik feminis mencari tuntutan dan kehendak wanita melalui pengalaman kewanitaan dan bahasa wanita itu sendiri tanpa dibayangi oleh peranan yang diberikan oleh budaya dan agama. Miller (1992) berpendapat bahawa;

*“To address women’s lives and experiences in their own term, to create theory grounded in the actual experience and language of women, is the central agenda for feminist social science and scholarship”.*

*The Feminine Mystique* oleh Betty Friedan dikategorikan sebagai sebuah tulisan yang mendukung pemikiran liberal feminisme. Friedan berpendapat ‘pengurungan’ wanita dalam rumahtangga menyebabkan wanita bergantung hidup dengan pendapatan suami dan menghalang mereka untuk mengembangkan potensi diri. Friedan meneroka dan mengkaji secara terperinci status, tuntutan, kehendak dan keperluan kaum wanita kelas pertengahan di Amerika secara mental dan fizikal. Beliau menjalankan beberapa kajian merangkumi pelbagai teori, statistik dan soal selidik terhadap 200 suri rumahtangga sepenuh masa. Kajian Friedan menghasilkan satu dapatan kajian yang dinamakan *Feminine Mystique*. Sistem sosial sesebuah masyarakat telah menentukan ciri-ciri Feminin Mistik yang menentukan citra ideal seorang wanita. Salah satu ciri penting dalam Feminin Mistik ialah membataskan peranan wanita sebagai ibu dan isteri sahaja. Friedan melihat Feminin Mistik sebagai sebuah eksperimen sosial yang telah dibentuk ketika Perang Dunia II (1939) dan Perang Dingin (1947). Hal ini kerana pada ketika inilah kaum lelaki keluar berperang dan kembali sebagai wira manakala wanita pula tinggal di rumah dan melaksanakan kerja-kerja domestik.

Falsafah dan ciri-ciri wanita yang disenaraikan oleh Friedan dalam Feminin Mistik ini sesuai digunakan untuk menganalisis novel *That Long Silence* dan *Mencari Azizah*. Setiap pemikiran, falsafah, agenda dan propaganda Barat harus melalui proses penyaringan sebelum diterima oleh masyarakat dari budaya lain. Pengarang wanita India dan Malaysia tidak secara radikal menentang dan menuntut hak mereka sepertimana di Barat. Sehingga kini wanita India dan Malaysia masih terikat dengan budaya dan agama. Mereka tidak melihat lelaki sebagai musuh tetapi meminta hak dan maruah mereka tidak diabaikan. Perubahan dalam wanita India dan Malaysia tidak mendadak, mereka masih mengalami transformasi yang berperingkat mengikut latar belakang keluarga, budaya, agama, kaum, bahasa dan juga tempat kelahiran. Liberal dalam kehidupan seorang wanita di Kuala Lumpur, Malaysia masih menjadi taboo kepada wanita dari wilayah Uttar Pradesh, India.

*The Feminine Mystique* mengandungi hal-hal yang berlaku dalam kehidupan harian wanita sehingga kepada isu-isu wanita sarwajagat seperti alam perkahwinan, alam keibuan, kerja-kerja di rumah, kesunyian suri rumah sehingga penglibatan wanita dalam politik negara. Friedan berpendapat, pengurungan wanita dalam rumahtangga dan keluarga menyebabkan mereka bergantung hidup dengan pendapatan suami yang menghalang potensi diri. Novel pilihan dari India dan Malaysia dianalisis dari perspektif bacaan Feminin Mistik yang mengandungi kajian sejarah wanita dari sudut *Compensatory Feminist* di mana watak-watak wanita yang ditinggalkan, dipulaukan, berkerjaya, perkasa dan berdikari akan diberi fokus utama. Tumpuan difokuskan kepada kekuatan psikologi wanita yang mendepani pelbagai masalah yang wujud dari sekelilingnya terutama dari institusi keluarga. Melalui analisis kaedah bacaan Feminin Mistik, kekuatan watak wanita dibawa keluar sehinggakan emosi dan biologi wanita yang dianggap lemah dijadikan sebagai satu kekuatan yang unggul dalam diri wanita.

Hasil kajian Betty Friedan, *The Feminine Mystique*, telah berjaya mendedahkan situasi sebenar kehidupan suri rumahtangga dalam kalangan masyarakat kelas pertengahan. Walaupun hasil kajian beliau adalah berdasarkan kehidupan wanita kelas pertengahan di Amerika Syarikat dalam tahun 1960-an, namun situasi ini masih relevan di India dan Malaysia sehingga kini. Bagi menyesuaikan keadaan wanita India dan Malaysia dengan teori Feminin Mistik ini, hanya dua bahagian subtopik dari *The Feminine*

*Mystique* digunakan sebagai landasan analisis iaitu *The Problem that has no name* dan *Crisis in Women Identity*.

## ANALISIS TEKS KAJIAN

### *The Problem That Has No Name* – Masalah Yang Tidak Bernama

Bahagian ini menganalisis watak wanita dalam sistem patriarkal dengan menggunakan kaedah bacaan Feminin Mistik. Dua bahagian Feminin Mistik yang dijadikan kaedah analisis ialah, ‘Masalah yang tidak Bernama’ dan ‘Krisis dalam Identiti Wanita’. Menurut Friedan (2001:57), Feminin Mistik yang diterapkan oleh setiap masyarakat dan budaya setempat terhadap wanita menjadi faktor utama yang membataskan potensi kemajuan diri kaum wanita. Selari dengan pandangan Friedan ini, watak-watak wanita dalam kedua buah novel kajian ini turut terikat dengan beberapa kriteria Feminin Mistik yang telah menyenyapkan suara mereka dalam sistem patriarkal.

Para feminis dari aliran liberal mahupun radikal telah menyenaraikan pelbagai masalah yang dialami oleh kaum wanita di seantero dunia seperti keganasan rumahtangga, diskriminasi gender, gangguan seksual, masalah menstruasi, kedinginan dalam hubungan seksual, ketakutan melahirkan anak, kemurungan selepas bersalin, membunuh diri, krisis menopause, hak pendidikan, hak politik sehinggalah kepada hak perkahwinan sejenis. Namun bagi Friedan dalam menyenaraikan pelbagai masalah ini, wujud satu kumpulan wanita yang tidak tahu apa sebenarnya masalah yang melanda mereka. Hal inilah yang memulakan kajian Friedan terhadap suri rumahtangga kelas pertengahan. Friedan mendapati satu permasalahan yang sering dialami oleh suri rumahtangga secara umum ialah *The Problem That Has No Name* (Friedan, 2001:57). Wanita kelas pertengahan yang mempunyai pendidikan di peringkat universiti, mempunyai keluarga yang bahagia, sistem kewangan yang kukuh dan memperoleh imej positif dalam sistem sosial setempat. Namun segala kebahagiaan lahiriah ini tidak dapat memenuhi jiwa mereka yang merana. Wanita-wanita ini gagal mengungkapkan apa sebenarnya masalah yang melanda mereka sehingga mereka terperangkap dalam situasi yang dinamakan oleh Friedan sebagai *The Problem That Has No Name*. Namun masalah yang tidak bernama yang dialami oleh kebanyakan suri rumah yang tidak diketengahkan sebagai satu masalah serius yang telah bermula sejak tahun 1950-an sehingga kini. Kehidupan wanita sebagai suri rumah dikekalkan dalam satu imej mistik yang ideal dengan kaum wanita memenuhi ciri-ciri feminin dalam diri mereka. Walhal kebenaran tentang imej mistik ini dapat dipersoalkan melalui watak wanita yang dicitrakan dalam novel pilihan pengarang Deshpande dan Khadijah Hashim ini.

Protagonis wanita dalam *That Long Silence* (watak Jaya) dan *Mencari Azizah* (watak Azizah) mengalami rutin harian seperti mengemas rumah, memasak, membeli barang runcit, makan bersama keluarga, memenuhi keperluan keluarga, anak-anak dan suami. Peranan Jaya dan Azizah tertakluk kepada kerja-kerja domestik di rumah manakala suami berperanan sebagai pencari nafkah keluarga. Segala urusan keluarga dan peribadi Jaya dan Azizah turut diatur mengikut kegemaran dan kehendak suami mereka. Contohnya dalam novel *That Long Silence*,...ours has been a delicately balanced relationship, so much so that we have snipped off bits of ourselves to keep the scales on an even level (Deshpande, 1989:7).

Manakala Khadijah Hashim pula meluahkan isi hati watak Azizah tentang kemahuan suaminya, ‘Zamri cuma mahu aku jadi pengurus rumah tangga yang sekali-sekali menemaninya ke majlis-majlis makan malam’ (1998: 12). Sebagai isteri Jaya dan Azizah tidak ada hak untuk membuat sebarang keputusan, bersuara membantah pandangan suami, memberi cadangan untuk kebaikan bersama, segala aspek kecantikan, kesihatan dan penampilan diri harus mengikut cita rasa suami dan dia telah diberi peranan stereotaip untuk membentuk peribadi seperti yang dimahukan oleh kaum lelaki. Kedua-dua watak protagonis ini bahagia dengan peranan sebagai seorang suri rumahtangga, ibu, isteri dan menantu.

Namun mereka tetap merasakan kebebasannya dikawal oleh suami yang dilihat telah mengehadkan peranannya sebagai seorang isteri dan ibu sahaja. Situasi ini menjadikan diri Jaya dan Azizah makin tersepit apabila situasi ini terus-terus berlangsung selama tempoh masa tertentu dan akhirnya telah mendatangkan krisis dalam dirinya.

Menurut Friedan (2001) suri rumah hidup dalam kekosongan jiwa dan mereka hanya berperanan sebagai isteri dan ibu yang bertanggungjawab. Seorang wanita yang terperangkap dalam Feminin Mistik, menurut Friedan (2001) pada hakikatnya, *she was healthy, beautiful, educated, concerned only about her husband, her children and her home*. Namun golongan ini tidak menyedari bahawa jiwa mereka kosong. Jaya dan Azizah merupakan perwakilan kepada sekelompok suri rumahtangga kelas pertengahan yang mengalami tekanan perasan, penindasan, eksploitasi, direndahtarafkan dan didominasi dalam sistem patriarkal. Kedua-dua protagonis wanita ini cantik, berpendidikan peringkat universiti, pernah memiliki kerjaya profesional, isteri yang bertanggungjawab dan seorang ibu yang penyayang. Keyakinan diri mereka untuk mengendalikan dwi-peranan sebagai wanita berkerjaya dan wanita berumah tangga telah tergugat dengan permintaan dari pihak suami untuk menjadi suri rumahtangga sepenuh masa. Jaya dan Azizah terikat dengan kehendak suami dan mereka tidak mempunyai hak bersuara dan menegaskan kesetaraan gender, untuk mengekalkan identiti keindividualan mereka.

Hasil karya Deshpande dan Khadijah membentangkan kehidupan protagonis Jaya dan Azizah sebagai harmoni dan sempurna tetapi secara berlapis merepresentasikan kompleksiti dan kekusutan jiwa Jaya dan Azizah. Dalam Feminin Mistik tindakan Mohan (suami Jaya) dan Zamri (Suami Azizah) yang menyenyapkan suara mereka dianggap satu tindakan yang lazim diambil oleh kaum lelaki untuk mengelak berlaku permasalahan antara suami isteri. Mohan dan Zamri tidak pernah melakukan keganasan rumah tangga ataupun meninggikan suara dengan isteri. Jaya dan Azizah mengalami satu kehidupan yang aman damai bersama suami mereka. Mistik yang kekal dalam minda Mohan dan Zamri ialah, suami mempunyai status superior dan isteri perlu patuh dan setia dengan segala keputusan yang diambil oleh suami. Pemahaman tentang kesetaraan gender untuk saling bergantung antara satu sama lain tidak ada dalam diri Mohan dan Zamri. Mereka berasa bangga bahawa mereka menjadi pelindung dan memberi segala kebahagiaan, kemewahan dan keselesaan kepada isteri mereka. Tugas-tugas yang dipikul oleh Jaya dan Azizah sebagai suri rumahtangga tidak pernah dihargai oleh Mohan dan Zamri.

Satu episod dalam novel *That Long Silence* yang menyelitkan masalah yang tidak bernama ialah, kehadiran Jaya tidak disedari oleh Mohan. Hal ini diperlihatkan oleh pengarang ketika mereka menghadiri satu majlis, Mohan hanya meneruskan perjalanannya tanpa sebarang reaksi terhadap ketiadaan Jaya di sisinya. Mohan langsung tidak menyedari ketiadaan Jaya di sisinya sehingga Jaya ditahan kerana tidak memiliki 'pas masuk.' Tindakan Mohan ini sangat menyakiti jiwa Jaya,...*i was almost invisible. I had felt annilated* (Deshpande: 1989) tetapi tidak diambil berat oleh Mohan. Kedudukan sebagai wanita yang tidak berkerjaya dan bergantung sepenuhnya terhadap suaminya mula mengganggu emosi dan keperibadian Jaya. Jaya menyedari bahawa ketiadaan dirinya bersama suami tidak memberi sebarang makna kepada Mohan, tetapi ketiadaan Mohan di sisinya akan menghancurkan identiti dan kedudukannya dalam sistem sosial yang dihuni. Keadaan inilah yang mengganggu emosi Jaya sehingga dia merasakan wujud masalah dengan suaminya tetapi dia tidak dapat menamakan dengan tepat apakah sebenarnya masalah yang dialami dalam dirinya. Deshpande memperlihatkan watak Jaya patuh dengan kenyataan imej feminin mistik, bahawa menjadi suri rumah merupakan kebahagiaan mutlak bagi setiap wanita. Dalam hal ini, Jaya telah memenuhi impian Feminin Mistik sebagai suri rumah tangga yang bahagia kerana dia memiliki seorang suami yang berkerjaya, dikurniakan sepasang anak yang sihat dan sebuah rumah di kota Bombay dengan segala kelengkapan domestik. Jaya diminta untuk berhenti kerja sebagai penulis oleh suaminya dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap keluarganya.

Manakala watak Azizah dalam *Mencari Azizah* terangkap pola pemikiran feminin mistik ini apabila dia akur dengan tuntutan ibu mertua dan suaminya dalam untuk berhenti kerja untuk menjaga status golongan bangsawan. Azizah ditegaskan dan ditugaskan untuk berada di rumah dan membesarkan anak-anak menjadi tanggungjawab dominan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan ini, "Awak apa

tahu tentang *business*. Duduk saja di rumah jaga anak!” cemuah Zamri seperti tidak berperasaan (Khadijah Hashim, 1998: 12). Datin Mariah (ibu mertua) dan Zamri menaggap Azizah sebagai orang suruhan yang tidak ada hak bersuara. Mereka tidak menerima sebarang lontaran idea mahupun pandangan dari Azizah dalam usaha memulihkan syarikat Kencana Holdings yang mengalami kerugian. Walaupun Azizah dan Zamri sama-sama graduan dalam jurusan ekonomi di peringkat ijazah di universiti yang sama, namun setelah menjadi isteri Zamri, kebolehan Azizah telah direndahtarafkan oleh Zamri sendiri kerana bagi Zamri peranan Azizah hanya dalam runag lingkup di dalam rumah dan bukannya dalam syarikat

Kaum wanita hidup dalam sensibiliti mereka yang unik dan khusus. Deshpande dan Khadijah Hashim memaparkan tugas-tugas suri rumah tangga sebagai sebuah seni, satu pengisian kewajipan bagi setiap wanita. Watak wanita ini digerakkan dengan tugas-tugas seperti mengemas rumah, memasak, menjahit, menyiram pokok bunga, membasuh dan lain-lain tetapi tidak pernah disedari dan diambil tahu oleh suami mereka. Menurut Bhasin & Khan (1986:11);

*Feminist do not belittle or look down upon housewives or housework. In fact one of our major struggles is to have housework recognized and valued so that women who do it are recognized, valued and respected. If housework gets the respect, the recognition and the value that are its due, men would not only stray acknowledging it but also start doing it.*

Tugas dan peranan domestik wanita dipenuhi semaksimum mungkin untuk mengelak perasaan bersalah. Ruang lapang yang diperoleh sebagai suri rumah kadang-kadang membuat mereka berasa bersalah kerana suami mereka bekerja keras di luar manakala di rumah pula sibuk dengan tugas-tugas yang tidak dapat menandingi kerjaya suami mereka. Kaum wanita ini hidup dalam satu kesepian, kehancuran emosi dan perasaan yang tidak terhingga. Mereka mengelak untuk memikirkan tentang permasalahan yang mereka alami disebabkan permasalahan mereka tidak bernama dan mereka disogokkan dengan kepercayaan mistik bahawa mereka bahagia sebagai suri rumah tangga.

### ***Crisis in Woman Identity – Krisis Dalam Identiti Wanita***

Menurut Friedan, bertitik tolak daripada Masalah Yang Tidak Bernama ini telah membentuk krisis identiti dalam diri wanita. Friedan menambah bahawa, rata-rata wanita yang mengalami krisis identiti terdiri daripada mereka yang telah berkahwin. Kebanyakan mereka mempunyai kelulusan akademik yang baik, namun di atas faktor perkahwinan mereka terpaksa melupakan kejayaan dalam bidang kerjaya dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap keluarga. Protagonis wanita dalam kedua buah novel ini berada di dalam dilema mencari identiti diri sebagai seorang wanita yang berpendidikan dan berfikiran menggunakan akal logika dan juga sebagai seorang wanita yang terikat dengan agama, budaya, adat dan pantang larang sistem sosial yang dihuni.

Dalam *Feminin Mistik* seorang wanita yang ingin mengekalkan kebahagiaan hidup bersama suami harus mengelak persoalan tentang identiti dirinya. Wanita akan dilanda krisis identiti jika mereka menguji dan meneroka sejauh mana kuasa mereka dalam dunia ini serta apabila mereka mula mengubah peranan yang dibentuk dalam *Feminin Mistik* (Friedan, 2001: 131). Jaya dan Azizah mengalami krisis dalam identitinya apabila mereka mula menyoal peranan sebagai seorang suri rumah tangga dan pada masa yang masa menyesal dengan keputusannya untuk berhenti bekerja. Kedua-dua watak ini berpeluang untuk introspektif perjalanan hidup mereka dan mula menyoal apa yang berlaku kepada mereka setelah berkahwin. Perwatakan, identiti, keyakinan diri, kerjaya, hak bersuara dan kebebasan sebagai manusia biasa telah mengalami perubahan yang drastik setelah melangkah ke alam perkahwinan.

Dalam novel *That Long Silence*, rutin hidup selama 17 tahun yang dilalui oleh Jaya menemui titik penghujung apabila dia mula introspektif dirinya. Watak ini mula menyedari dirinya tidak ada identiti, .../

*don't know, I don't know what I am ?* (Deshpande, 1989:185). Krisis dalam identiti diri ini telah membuka hati dan minda Jaya untuk menyoal beberapa perkara yang telah menjadi Feminin Mistik dalam budaya dan adat masyarakat India. Namun, Feminin Mistik menuntut wanita agar... *ignore the question of their identity* (Friedan, 2001: 57). Feminin Mistik hanya membenarkan wanita menjawab tentang identitinya sebagai 'saya isteri Mohan atau saya ibu Rahul dan Rati'. Krisis dalam identiti berkonflik dengan Jaya yang pasif, patuh, senyap dan lemah lembut bertembung dengan sikap Jaya seorang intelektual, introspektif dan hipersensitif. Dia mula menyoal diri sendiri tentang erti sebenar memiliki identiti diri tanpa dibayangi oleh peranan sebagai isteri dan ibu. Peluang untuk introspektif dirinya telah mencungkil kembali keinginan, kehendak, tuntutan, permintaan kegemaran, minat dan kesukaan yang telah ditinggalkan sejak menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Jaya digerakkan oleh Deshpande dengan pemahaman dan pengamatan terhadap tuntutan dan larangan dalam sistem patriarkal India. Pengarang mencitrakan Jaya sebagai simbol kehidupan wanita India moden yang menghadapi kesukaran untuk menerima beberapa amalan dan peraturan yang ditetapkan oleh sistem sosial setempat. Jaya juga merupakan imej wanita tradisi India yang mengalami dilema antara tanggungjawab tradisi dan modeniti. Sebagai seorang gadis yang dibesarkan dalam keluarga Brahmin, dia bertanggungjawab untuk menjaga agama, adat, peraturan dan larangan yang ditetapkan dalam sistem sosialnya. Pada masa yang sama taraf pendidikan dan kerjayanya sebagai penulis menuntut dia berfikir di luar jangkaan dan tuntutan wanita India tradisi.

Keinginan dan minat Jaya terhadap bidang penulisan dikorbankan untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Jaya berhenti menulis selepas Mohan menyatakan dia berasa malu dengan kisah-kisah yang ditulis oleh Jaya kerana bimbang dengan persepsi masyarakat sekeliling tentang kebenaran karya Jaya sebagai imitasi kehidupan suami isteri mereka. Dia tidak menentang secara radikal atau memprotes larangan Mohan kerana Mohan tidak menunjukkan ketegasan atau kekuasaan untuk mengarah Jaya berhenti menulis tetapi dengan nada yang lembut Mohan menyatakan dia berasa malu dengan karya-karya yang dihasilkan oleh Jaya. Jaya akhirnya menurut kehendak Mohan dengan berhenti menulis... *as the feminine mystique spread, denying women career or any commitment outside the home* (Friedan, 1963:47). Jaya tidak ada pilihan lain selain menurut kehendak Mohan. Dia perlukan status sebagai isteri yang membolehkan dia dihormati dan diterima sebagai seorang wanita bermaruah dalam budayanya... *A woman's position in society depends solely upon her conjunction with a man. As a girl, she is in her father's care and, once adult, she only has access to society through her husband* (Hirschon, 1993:59). Dia tidak mahu mengorbankan kedudukan sebagai isteri dan ibu dengan memberi kepentingan terhadap kerjaya. Dia juga tidak mahu menyakiti perasaan Mohan dan *scared of jeopardizing the only career I had, my marriage* (Deshpande: 144). Jaya berhenti menulis untuk menjadi *The Happy Housewife Heroine*.

Jaya mula memikirkan dirinya telah menjadi milik orang lain. Sebelum terlambat dia ingin kembalikan identiti dirinya. Pendidikan yang dimilikinya membantu dia untuk berfikiran rasional dan berwawasan. Jaya mengakui status quo lelaki tetapi pada masa yang sama dia mempersoalkan kedudukan mereka dalam rumah tangga. Jika penglibatan kaum lelaki dalam diri seorang wanita hanya menyeksa, menindas dan dominasi, maka lelaki seperti itu tidak diperlukan oleh wanita untuk meneruskan kehidupan. Dia boleh hidup dengan bebas bersama keyakinan diri tanpa sokongan seorang lelaki. Jaya meninggalkan Mohan dan untuk mendapat kebebasan dan terkeluar dari kongkongan sistem patriarkal yang gagal menghargai kedudukan wanita sebagai suri rumah. Peninggalan Jaya telah memberi ruang kepada Mohan untuk memikirkan semula hubungan suami isteri mereka dan dia bersedia untuk mengembalikan kehidupan yang diinginkan oleh mereka berdua seperti di awal perkahwinan. Deshpande menukikan transformasi dalam diri Jaya yang lurus dan polos kepada watak yang berwawasan dan memikirkan tentang *self-independence*. Pemergian meninggalkan Mohan untuk seketika memberi ketenangan dan membantu memulihkan pemikiran yang bercelaru. Jaya kembali kepada Mohan, yang menunjukkan krisis dalam identiti jiwanya berakhir. Dia tetap mahu menjadi seorang isteri dan ibu tetapi status itu perlu dihargai dan dia perlu dihormati sebagai dirinya sendiri tanpa merujuk kepada manusia lain.

Keadaan yang sama juga dilalui oleh watak Azizah. Tajuk novel ini, iaitu *Mencari Azizah* sendiri menunjukkan bahawa watak itu mencari identiti dirinya sebagai Azizah dan bukan sebagai isteri, menantu dan ibu. Apabila Azizah mula introspektif dirinya, dia mula mencari apa kesukaan dirinya, kehendak, impian, visi dan misi dirinya sebagai Azizah. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan teks novel (Khadijah Hashim, 1998: 12);

“Aku sepatutnya meneruskan pelajaranku setelah berumah tangga kalau pun tidak dibenarkan bekerja. Kalau itu yang terjadi tentu saja di kala ini aku sudah bergelar Dr. Azizah. Dan corak hidupku tentu saja berbeza. Dr. Azizah yang bekerja dan bergaji. Bukan menunggu belas ihsan suami. Dr. Azizah yang berhak menentukan arah hidupnya sendiri, bukan jadi perhiasan kerana muka yang cantik!”

Namun segalanya berubah setelah dia berkahwin dan seterusnya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Rutin hariannya hanyalah mengemas rumah, memasak, menjaga anak-anak dan sebagainya. Kelulusan di peringkat ijazahnya tidak digunakan sebaiknya, malah hanya mampu merangkul jawatan sebagai seorang suri rumah. Hal ini dapat dilihat dalam novel ini (Khadijah Hashim, 1998: 13), ‘Aku bagaimana? Selama MA aku hendak ke mana? Pulang atau teruskan untuk ijazah Ph. D’. Azizah mengalami krisis identiti setelah mana dirinya hanya menjadi seorang suri rumah tangga walaupun mempunyai kelulusan pelajaran yang baik. Ditambah lagi dengan keadaan keluarga mertuanya yang tidak menerima sebarang lontaran idea mahupun nasihat dalam memperbaiki serta membaikpulih keadaan syarikat suaminya, Kencana Holdings. Di atas faktor menjadi suri rumah tersebut telah meletakkan diri Azizah tidak lagi berguna walaupun beliau merupakan lepasan pelajar jurusan ekonomi.

Krisis dalam diri Azizah kemuncak bila mana peranan sebagai isteri Zamri tergugat. Zamri berkahwin lagi tanpa memberitahu Azizah. Bagi Zamri, Azizah tidak layak untuk diberitahu disebabkan Azizah hanya suri rumahtangga dan ibu kepada anak-anaknya. Situasi rumahtangga yang semakin retak ini menjadikan Azizah keliru dengan peranan dirinya sama ada dirinya adalah isteri kepada Zamri atau hanya sebagai pembantu rumah. Bagi Azizah sebagai seorang isteri, dia berhak untuk memberi pandangan dan memulihkan hubungan kekeluargaan yang semakin keruh. Dia mahu suaminya berbincang bersama dalam menghormati peranannya sebagai isteri, ibu dan menantu. Tindakan Zamri berkahwin lain tanpa pengetahuan Azizah telah merobohkan rumahtangga mereka. Azizah tidak sekeras-kerasnya menentang sistem poligami yang diamalkan oleh Zamri, tetapi dia merasakan Zamri sepatutnya memberitahu niatnya untuk berpoligami selaku isteri pertama sekaligus meletakkan Azizah di tempat yang sebetulnya sebagai seorang isteri (Khadijah Hashim, 1998: 38);

Entahlah, hatiku hancur lebur tidak dapat dipujuk apabila mendengar Zamri kahwin lagi. Berita ini diketahui daripada mulut orang lain, bukan dari Zamri sendiri, itu yang Azizah jauh hati sangat-sangat. Apa salahnya kalau minta izin? Minta izin? Isteri mana pula yang baik hati sangat membenarkan suami kahwin lagi?

Walaupun dalam Islam, undang-undang syariah hanya mewartakan syarat bagi seseorang suami yang ingin berpoligami hanya memerlukan kebenaran bertulis daripada Hakim Syariah bagi membolehkan tindakan poligami tersebut dijalankan. Namun tidak menyalahi hukum Islam jika Zamri memberitahu perkara sebenar kepada Azizah sebelum dia berkahwin dengan Anita untuk menyelamatkan syarikatnya dari muflis. Zamri meninggalkan isteri dan anak-anaknya tanpa sebarang berita. Keadaan Aziah yang berada di rumah milik Zamri, tiada pekerjaan, tiada pendapatan untuk menguruskan perbelanjaan diri dan anak-anaknya mula membuka ruang kepada Azizah untuk berdialog dengan diri sendiri. Peninggalkan Zamri dari rumah besar tanpa memberitahu Azizah memberi peluang kepada Azizah untuk introspektif kehidupan alam rumah tangganya bersama Zamri.

Kekalutan, kecelaruan dan kemusnahan rumah tangga yang dibina atas dasar cinta telah mendesak Azizah untuk membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan dari suami dan ibu mertuanya. Azizah mencari identiti dirinya sebagai Azizah dan bukan sebagai isteri, ibu atau menantu keluarga kaya. Dia mencari kesukaan, kehendak, impian, visi dan misi dirinya sebagai Azizah. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan novel (Khadijah Hashim 2001:3), “kini, aku adalah Azizah baru. Azizah dengan harapan dan visi baru.” Khadijah Hashim membebaskan Azizah dari tekanan dalam alam perkahwinan dengan diceraikan oleh Zamri. Walaupun sedih dan terkilan dengan alam perkahwinan yang tidak kekal lama namun pengarang beriltizam untuk sentiasa meninggikan peranan dan martabat watak wanita dalam novel ini dengan membawa watak Azizah ke Iowa, Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana. Tindakan pengarang memberi kebebasan dan hak kepada Azizah untuk mencorakkan kehidupannya bersendirian di rantau Eropah menunjukkan bahawa wanita Melayu mampu berdikari tanpa dibayangi oleh kaum lelaki. Hal ini sangat bertentangan dengan pandangan feminis Barat yang melihat wanita Asia sebagai lemah, patuh, menjadi mangsa keganasan lelaki dan bergantung hidup sepenuhnya dengan kaum lelaki. Watak Azizah telah merobohkan imej stereotaip yang selalu diberikan kepada watak wanita Asia. Watak Azizah diberi peluang oleh pengarang untuk introspektif dirinya yang selalu dituntut oleh para feminis Pasca Kolonial, yakni memberi ruang dan peluang kepada watak wanita untuk memperkasakan diri sendiri dan bukannya menjadi mangsa penindasan kaum lelaki. Azizah menentukan hidup sendiri dengan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat tanpa perlu terikat dengan sistem perkahwinan yang menindas diri dan anak-anaknya.

Keberanian Azizah untuk hidup sebagai seorang janda dan meninggalkan kehidupan mewah yang ditawarkan oleh Zamri bermula dari segulung ijazah yang diperolehnya. Azizah yakin dia dapat berdikari dan menjaga anak-anaknya dengan berbekalkan pendidikan yang dimilikinya. Dalam usaha memartabatkan dirinya yang telah dianiaya oleh suaminya, Azizah nekad untuk menyambung pengajian tinggi di Amerika Syarikat dan mengawal emosi sebagai seorang ibu. Dia meninggalkan dua orang anak kecilnya dan yakin bahawa kepulangannya dengan ijazah doktor falsafah dapat memberi kehidupan yang lebih baik kepada anak-anaknya. Di sini peranan pengang amat penting kerana menampilkan satu watak wanita yang tidak terikat dengan emosi *cliché* yang dialami oleh watak ibu dalam karya kesusasteraan dari Asia, iaitu ibu sebagai seorang yang sanggup berkorban dan tidak akan meninggalkan anak-anaknya walau dalam apa jua keadaan. Watak ibu *cliché* seperti inilah yang dicari dan diangkat oleh feminis Barat sebagai wakil kaum wanita di Asia. Namun Khadijah Hassim menentang aliran *cliché* ini dan memberikan kekuatan emosi dan fizikal kepada Azizah untuk berdepan dengan segala rintangan dan halangan tanpa disogokkan dengan emosi yang berlebihan.

### **Shahsi Deshpande dan Khadijah Hashim Merobohkan Feminin Mistik?**

Deshpande dan Khadijah Hashim lahir dalam satu sistem patriarkal yang meletakkan lelaki sebagai ketua keluarga dan agama dalam pembentukan sebuah keluarga harmoni berlandaskan sistem sosial, budaya, adat, agama dan amalan masyarakat setempat. Pemikiran Deshpande dan Khadijah Hashim dalam membentuk watak Jaya dan Azizah sebagai suri rumah tangga merupakan replika wanita yang telah menjadi bahan kajian Betty Friedan dalam *The Feminine Mystique*. Dalam kajian Friedan, beliau menyatakan bahawa wanita tidak sama sekali akan mengorbankan kebahagiaan rumah tangga dan keluarganya,...*none would give up her home and family if she had the choice to make again* (Friedan, 2001:69). Hal ini bertepatan dengan watak Jaya yang kembali kepada suaminya untuk memperbaiki dan membina kembali rumah tangga yang hampir gagal. Secara implisit Deshpande masih tidak berganjak jauh dari lingkungan pemikiran tradisional. Bahkan beliau, bertolak ansur dengan sistem patriarkal di India dengan menamatkan novel ini dengan nada optimistik,...*we don't change overnight* (1989:193) berbeza dengan Khadijah Hashim yang membebaskan Azizah dari tekanan dalam alam perkahwinan. Khadijah Hashim cuba mengeluarkan watak-watak wanita dari kepompong patriarkal melalui paparan watak Azizah yang akhirnya berpisah dari Zamri dan melanjutkan pelajaran di Iowa, Amerika Syarikat.

Tindakan Azizah bersendirian di rantau Eropah sekaligus menunjukkan paparan wanita yang mampu berdikari tanpa sebarang bantuan dari golongan lelaki. Khadijah memberi peluang kepada watak Azizah menentukan hidup sendiri dengan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat tanpa perlu terikat dengan sistem perkahwinan yang menindas dirinya sebagai seorang wanita.

Analisis terhadap watak Jaya dan Azizah, menunjukkan bahawa wanita India dan Malaysia masih berada dalam sistem patriarkal yang mendominasi mereka disebabkan wanita sendiri masih menjadi penerus kepada sistem ini. Dunia kontemporari secara umum dan khususnya di India dan Malaysia telah memberi kebebasan dan hak dalam bidang pendidikan, peluang pekerjaan dan memilih pasangan hidup secara liberal kepada kaum wanita. Feminisme sebagaimana menurut A. Halim Ali (2018) sememangnya memperjuangkan hak-hak sama taraf dengan kaum lelaki dan mahu membebaskan wanita daripada belenggu negatif serta menampilkan wajah wanita dengan imej positif. Namun, bayangan dan tuntutan bagi memenuhi ciri-ciri Feminin Mistik telah membataskan wanita mencapai impian dan cita-cita mereka. Analisis Feminin Mistik terhadap watak-watak wanita ini menunjukkan bahawa Deshpande dan Khadijah Hashim masih tidak sepenuhnya merobohkan gejala penerapan feminin mistik dalam watak wanita, namun mereka telah membekalkan watak-watak ini dengan potensi dan harga diri untuk memprotes sistem patriarkal dan Feminin Mistik yang diterapkan dalam diri kaum wanita Asia amnya dan khususnya India dan Malaysia.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Proses menganalisis ini menunjukkan bahawa golongan wanita hanya mempunyai dua pilihan dalam sistem patriarkal setempat iaitu;

- i. Bertolak ansur dengan segala konvensi, tuntutan, peraturan dan amalan sistem patriarkal yang ditetapkan.
- ii. Mencabar dan menentang sistem patriarkal ini bagi menuntut hak dan kebebasan wanita.

Penelitian kajian ini menemui bahawa sifat-sifat *women-centeredness* dalam karya-karya pengarang-pengarang wanita mengetengahkan tema-tema yang sama, selari dan membentuk kesatuan suara dan wawasan wanita dalam sistem sosial yang mereka menghuni. Teori Feminin Mistik dalam kajian ini telah menjalani proses *intersection* and *interconnection* antara penindasan yang berbeza terhadap wanita. Perbezaan ini termasuklah kebenaran bahawa wanita di India dan Malaysia lebih berfokus kepada konteks penindasan atau penentangan daripada membandingkan jenis-jenis penindasan dan mengkategorikan.

Berdasarkan keseluruhan kajian terhadap wanita India dan Malaysia melalui novel-novel pilihan didapati bahawa wanita perlu berubah dan diubah pemikirannya. Wanita di India dan Malaysia khususnya berasa selamat dan selesa dengan peluang pendidikan dan kebebasan yang diperoleh sebagai individu. Mereka tidak melihat keluar dari lingkaran hidup mereka. Wanita yang berada dalam *comfort zone* inilah yang membentuk dan membina satu sistem sosial baru. Wanita inilah yang mencipta dan meneruskan sistem patriarkal yang baru mengikut peredaran masa. Mereka adalah warisan kepada penerusan sistem patriarkal dalam bentuk yang baru dengan dasar pemikiran yang sama bahawa wanita adalah inferior, perlu dilindungi dan tugas utama mereka dalam di dalam rumah dan bukannya sebagai rakan sejawat dengan lelaki. Walau bagaimanapun di India dan Malaysia status quo lelaki masih dikekalkan dan tidak memandang lelaki sebagai musuh walaupun oleh pejuang feminis sendiri. Status wanita India dan Malaysia sebagai anak perempuan, isteri dan ibu telah dipotretkan oleh pengarang-pengarang pilihan ini dengan mengekalkan identiti sebagai wanita India dan Malaysia yang masih kekal dengan adat, agama dan budaya setempat.

Mistik Feminin yang diutarakan oleh Friedan masih relevan dengan wanita secara umum termasuk wanita dari Asia begitu juga resolusi dan pembentukan jati diri wanita yang dicadangkan oleh Friedan sesuai diadaptasi oleh kaum wanita dari seluruh dunia. *Feminin Mistik* menawarkan jalan kepada kaum wanita untuk mengenal pasti penindasan gender tanpa menyerang dan membenci lelaki. Hubungan antara Feminin Mistik dan wanita adalah hubungan timbal balik dan memerlukan antara satu sama lain.

## RUMUSAN

Kesusasteraan merupakan cerminan kehidupan sesebuah masyarakat yang dilakarkan melalui pengalaman manusia untuk memberi refleksi sebenar realiti dalam kalangan masyarakat. Feminin Mistik membawa hujah-hujah dan pemikiran ke arah membanteras penindasan terhadap wanita, membuka ruang untuk wanita bersuara, mencari pengalaman, keperluan dan kehendak mereka, mencabar halangan dan hambatan yang dikenakan terhadap mereka melalui peranan gender dalam sistem sosial, Feminin Mistik juga mencabar dominasi lelaki dan keistimewaan lelaki.

Novel-novel ini telah dianalisis menggunakan Feminin Mistik untuk menilai kehidupan wanita dalam sistem patriarkal India dan Malaysia. Kajian menunjukkan watak-watak wanita dalam novel-novel ini sememangnya berlegar dalam satu Feminin Mistik yang dicipta oleh kaum lelaki bagi kepentingan mereka. Watak-watak wanita ini berada antara memenuhi tuntutan Feminin Mistik dan memprotes sistem patriarkal yang menindas, mendominasi, subordinasi dan tidak memberi hak yang sepatutnya kepada kaum wanita. Dalam usaha mencari identiti diri dan membentuk keperkasaan dalam sistem patriarkal, watak wanita ini terpaksa bertoleransi kerana begitu kukuh dan utuh sistem patriarkal yang masih tidak dapat diperhalusi kuasa autoriti kaum lelaki. Namun, watak wanita yang dipersembahkan oleh Deshpande dan Khadijah Hashim telah mula merobohkan tembok pemisah dunia luar dengan rumah tangga. Perubahan ini juga disokong dengan senario politik di India dan Malaysia yang semakin memberi perhatian kepada masalah dan keperluan wanita telah membawa kepada perubahan drastik dalam kehidupan harian wanita kini.

Tidak kira sejauh mana dunia tanpa sempadan telah ditawarkan tetapi setiap strata masyarakat dunia memiliki konteks budaya dan fahaman masyarakat setempat yang kadang-kadang bertentangan dengan budaya masyarakat di luarnya. Kajian ini telah membawa kesedaran terhadap pentingnya perubahan dan pengubahsuaian dalam sistem sosial India dan Malaysia yang bersifat patriarkal. Perubahan, penyusunan semula dan pengubahsuaian ini diperlukan untuk menambah baik dan meningkatkan kedudukan wanita dalam sistem sosial yang bersifat patriarkal. Aktivis kebebasan dan hak wanita telah dilabelkan sebagai feminis pada masa kini. Para feminis dari pelbagai aliran pemikiran bukannya mahukan sebuah dunia tanpa lelaki, tetapi mereka mahukan hak asasi kaum wanita dibenarkan oleh setiap sistem sosial, budaya dan agama seperti mana yang diberikan kepada lelaki yang sewajarnya.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Shah Alam, NHA Excell Resources
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (2019). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(2019), 46 - 85. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang Jururawat' Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 147-161. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>
- Betty Friedan's Biography: Life, Family, Children, Name, Wife, Mother, Young, Book, Information, Born di <http://www.notablebiographies.com/Fi-Gi/Friedan-Betty.html#ixzz1Khi2Heq6>. (19 Disember 2017).

- Bhasin, Kamla & Khan, Nighat Said (1986). *Some Questions on Feminism and its Relevance in South Asia*. New Delhi: Kali for Women.
- Deshpande, Shashi (1989). *That Long Silence*. Delhi: Penguin.
- Deshpande, Shashi (2003). *Writing from the Margin and Other Essays*. New Delhi: Penguin-Viking.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Friedan, Betty (2001). *The Feminine Mystique*. New York: W.W Norton & Co, Inc.
- Hirschon, Renee (1993). *Open Body / Closed Space: The Transformation of Female Sexuality* dalam Ardener, Shirley (ed.), (1993). *Defining Females: The Nature of Women in Society*. BERG: Providence.
- Jenainati, Cathia & Groves, Judy (2010). *Introducing Feminism: A Graphic Guide*. London: Icon Books
- Miller, Dorothy C. (1992). *Women and Social Welfare: A Feminist Analysis*. London: Greenwood.
- Tengku Mohd Ali, T. I. M. (2013). Ikon Wanita Melayu-Islam Dalam Novel Tunggu Teduh Dulu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 169 - 183. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/103>
- Weedon, Chris. (1987). *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*. New York. Basil Blackwell.